

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [HULU RAJANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk:

- a) membina hospital baru di Kapit ; dan
- b) menaik taraf Klinik Kesihatan Sungai Asap dan Belaga.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Hospital Kapit yang berkapasiti 134 katil merupakan sebuah hospital pakar minor dan telah beroperasi selama hampir 60 tahun. Kadar Penggunaan Katil (Bed Occupancy Rate) bagi tahun 2018 adalah sebanyak 58% dan buat masa ini, KKM belum ada perancangan untuk membina hospital baru di Kapit. Walau bagaimanapun, KKM mengambil maklum akan keperluan untuk menaik taraf Hospital Kapit dari aspek kemudahan infrastruktur termasuk peralatan perubatan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan di hospital ini.

Sehubungan itu, pada tahun 2016, sebanyak empat (4) buah mesin dialisis telah ditambah bagi menampung peningkatan bilangan pesakit yang memerlukan perkhidmatan hemodialisis. Kerja-kerja menaik taraf sistem gas perubatan sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap pada

SOALAN NO : 14

hujung tahun ini (2019). Selain itu, KKM juga sedang melaksanakan projek pembinaan sebuah bangunan bagi menempatkan sebuah unit mesin CT-scan yang kini dalam proses tender.

Dalam perancangan jangka panjang pula, KKM bercadang untuk membina sebuah blok baru bagi menempatkan klinik pakar dan wad (termasuk Katil Rawatan Rapi) yang akan dipohon di dalam RMK-12 yang akan datang.

Klinik Kesihatan Sungai Asap pula merupakan sebuah KK jenis 4 dengan kedatangan harian sebanyak 132 pesakit sehari. Bagi meningkatkan lagi perkhidmatan kesihatan, KK Sungai Asap telah dinaik taraf menjadi Klinik Kluster di Daerah Belaga pada tahun 2018. Sehubungan itu, sebanyak RM700,000 telah diperuntukkan untuk pembelian peralatan perubatan. Selain itu, bilangan pegawai perubatan juga turut ditambah. KKM juga sedang di dalam perancangan untuk mewujudkan perkhidmatan pergigian di KK sedia ada dan cadangan pelaksanaannya akan dipohon dalam RMK-12 yang akan datang.

Klinik Kesihatan Belaga adalah sebuah KK jenis 4 yang dilengkapi kemudahan wad pemerhatian (20 katil), kemudahan x-ray, makmal, unit kecemasan, rawatan pesakit luar dan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak. Dengan kedatangan harian seramai 82 orang, KK Belaga masih lagi mampu menampung keperluan penduduk setempat. Buat masa ini, KKM belum ada perancangan untuk menaik taraf KK ini. Walaubagaimanapun, keperluan ini akan dikaji dari semasa ke semasa dan sekiranya ada keperluan, akan dilaksanakan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.